



# **KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**PANDUAN  
CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN  
(CBP)  
PEMILIKAN SEMULA**

## ISI KANDUNGAN

<u>Kandungan</u>	<u>Muka surat</u>
1. Pengenalan	2
2. Operasi Am Industri	2 - 3
3. Rantaian pembekalan dalam industri pengambilan semula	3 - 5
4. Layanan CBP ke atas pembekalan pengambilan semula <ul style="list-style-type: none"><li>• Pengeluaran dokumen yang dikira sebagai 'invois cukai'</li><li>• Cukai input ke atas barang yang diambil semula</li><li>• Cukai output ke atas komisen</li></ul>	5 - 8
5. Rekod dan Perakaunan	8
6. Soalan lazim	8 - 10
7. Maklumbalas dan Komen	10
8.. Bantuan dan Maklumat lanjut	10
8. Maklumat lanjut	8

## **PENGENALAN**

1. Panduan industri ini disediakan untuk membantu perniagaan dalam memahami perkara yang berkaitan dengan Layanan CBP bagi pengambilan semula.

### **Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) Secara Umum**

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat bagi penggunaan tempatan. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan di Malaysia kecuali bagi pembekalan yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke dalam Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rangkaian pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai ditambah di setiap peringkat dikenakan cukai dan dengan itu mengelakkan cukai berganda.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 20XX dikenali sebagai “orang berdaftar”. Seorang orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan yang dibuat kepada pelanggannya. Dia dibenarkan untuk menuntut apa-apa CBP yang ditanggung dalam pembeliannya (cukai input) yang merupakan input bagi perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri bukanlah kos kepada perantara dan tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

### **OPERASI AM INDUSTRI**

5. Pengambilan semula adalah dikawal di bawah Akta Sewa-beli 1967. Pengambilan semula biasanya berlaku apabila pembeli gagal membayar kepada pembiaya mengikut tempoh yang ditetapkan. Pembiaya

kemudiannya akan mengambil semula aset/harta/barang daripada pembeli berkenaan.

6. Pengambilan semula pada amnya merujuk kepada institusi kewangan yang mengambil semula aset/harta/barang secara kolateral atau sewa atau pajakan dalam sesuatu transaksi. Ini biasanya dilakukan selaras dengan kontrak beli atau kontrak kredit, di mana penyewa bersetuju bahawa pembiaya boleh mengambil semula asset/harta/barang berkenaan sekiranya penyewa gagal dalam membuat bayaran kepada pembiaya. Tindakan pengambilan semula merupakan bukan pembekalan bagi maksud CBP.

7. Notis akan diberi kepada penyewa apabila berlaku tunggakan bayaran ke atas barang yang dibiaya. Selepas notis pertama, notis terakhir akan dikeluarkan untuk meminta penyewa menjelaskan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya tiada pembayaran diterima sebelum tempoh yang ditetapkan itu tamat, pembiaya kebiasaannya akan mengambil semula barang tersebut.

8. Lazimnya, pemberi pinjaman/pembiaya boleh menyerahkan kerja-kerja mengambil semula kepada ejen. Ejen pengambilan semula ini biasanya berdaftar dengan Persatuan Syarikat Sewa-beli Malaysia. Terdapat juga ejen yang dilantik oleh mahkamah untuk merampas dan menjual tanah dan hartanah dan mereka ini dipanggil bailif.

9. Ejen ini kemudiannya akan menyerahkan kembali barang tersebut kepada pemberi pinjaman/pembiaya dan mengenakan komisen ke atas perkhidmatan yang diberi. Perkhidmatan yang dibekalkan ini adalah perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada CBP jika ejen itu adalah orang berdaftar.

#### **RANTAIAN PEMBEKALAN DALAM INDUSTRI PENGAMBILAN SEMULA**

10. Rangkaian pembekalan dalam proses pengambilan semula secara dasarnya melibatkan dua pihak seperti berikut:-

**(a) Penyewa**

Penyewa adalah orang yang mula-mula memiliki harta (pemilik) atau barang yang mana kemudiannya telah diambil semula oleh pemberi pinjaman/pembiaya. Kebiasaannya, dia (penyewa) mendapatkan pinjaman untuk membiayai pembelian harta atau barang atau meletakkan harta atau barang tersebut sebagai cagaran, misalnya melalui sewa-beli, pajakan atau gadaian, tetapi disebabkan kegagalan dalam menjelaskan pinjamannya, harta atau barang tersebut akan diambil semula oleh pembiaya.

**(b) Pembiaya**

Pembiaya adalah orang atau institusi yang menyediakan pinjaman atau kemudahan kredit untuk membiaya pembelian harta atau barang. Berikutan kegagalan untuk membayar oleh penyewa, harta atau barang tersebut akan diambil semula oleh pembiaya yang kemudiannya akan menjual atau melelong harta atau barang tersebut untuk mendapatkan kembali pinjaman tersebut. Dalam panduan ini, orang atau institusi yang menyediakan pinjaman dan kemudiannya mengambil semula harta atau barang tersebut untuk mendapatkan semula sesuatu pinjaman adalah dirujuk sebagai "**pengambil semula**".

Pemilikan barang

11. Pemilikan barang yang telah diambil daripada penyewa tidak akan berpindah kepada pengambil semula. Berdasarkan peruntukan kepada Akta CBP, apabila pengambil semula menjual barang itu, dia adalah disifatkan telah menjual barang tersebut bagi pihak penyewa dan mestilah mengakaun cukai output jika pemilik barang (penyewa) adalah orang kena cukai. Dengan perkataan lain, orang kena cukai yang mana barangnya telah diambil semula tidak perlu mengakaun apa-apa cukai output ke atas jualan bagi barang yang diambil semula.

Pelupusan barang yang diambil semula

12. Pelupusan barang yang diambil semula oleh pemberi pinjaman/pembiaya boleh dilakukan dengan dua cara:

(a) **Pelupusan sendiri**

Pembiaya sendiri boleh menjual barang tersebut bagi melangsaikan hutang yang terhutang. Biasanya pembiaya akan menolak apa-apa amaun yang tertunggak dan apa jua bayaran sampingan yang terlibat (incidental fee) dari hasil jualan.

(b) **Melalui lelong**

Pemberi pinjaman/pembiaya boleh melantik pelelong untuk melelong barang tersebut bagi pihaknya. ***Untuk maklumat lanjut sila lihat 'Panduan CBP ke atas Pelelong'.***

## **LAYANAN CBP KE ATAS PEMBEKALAN BARANG YANG DIAMBIL SEMULA**

Cukai output ke atas pembekalan barang yang di ambil semula

13. Status pemilik (penyewa) akan menentukan sama ada pembekalan barang yang diambil semula akan dikenakan cukai output. Walau bagaimanapun, tanggungan untuk mengenakan cukai output ke atas pembekalan barang yang diambil semula adalah terletak (menjadi tanggungjawab) kepada pengambil semula (pembiaya). Sekiranya pemilik barang adalah orang kena cukai, pembiaya mestilah tanpa mengambil kira sama ada dia adalah orang berdaftar CBP atau tidak, mengakaun cukai output ke atas barang yang diambil semula. Sebaliknya, jika pemilik adalah bukan orang kena cukai, maka pembiaya tidak perlu mengakaun cukai output ke atas pembekalan barang yang diambil semula itu.

14. Layanan CBP ke atas pembekalan barang yang diambil semula boleh diterangkan dengan lebih lanjut sebagaimana gambar rajah di bawah:-

**Jadual 1: Layanan CBP bagi pembekalan barang yang diambil semula**

SENARIO	STATUS PEMILIK	CUKAI OUTPUT	PEMBIAYA	BORANG BAYARAN
1	ORANG KENA CUKAI	DIKENAKAN	ORANG BERDAFTAR	PENYATA CBP
2	ORANG KENA CUKAI	DIKENAKAN	ORANG TIDAK BERDAFTAR	BORANG YANG DITETAPKAN
3	ORANG TIDAK KENA CUKAI	TIDAK DIKENAKAN	ORANG BERDAFTAR	-
4	ORANG TIDAK KENA CUKAI	TIDAK DIKENAKAN	ORANG TIDAK BERDAFTAR	-

***(Nota : CBP tidak dikenakan jika barang dikecualikan atau jika dapatan semula cukai input tidak dibenarkan)***

**Senario 1:**

Apabila pemilik adalah orang kena cukai, cukai output dikenakan ke atas pembekalan barang yang diambil semula. Jika pembiaya adalah orang berdaftar, dia kena mengakaun cukai output dalam penyata CBP (GST-03).

**Senario 2:**

Apabila pemilik adalah orang kena cukai, cukai output dikenakan ke atas pembekalan barang yang diambil semula. Jika pembiaya adalah orang tidak berdaftar, dia kena mengakaun cukai output di dalam borang yang ditetapkan (GST-04).

**Senario 3:**

Apabila pemilik adalah orang tidak kena cukai, cukai output tidak dikenakan. Pembiaya tidak perlu mengakaun cukai output walaupun dia (pembiaya) adalah seorang orang berdaftar.

**Senario 4:**

Apabila kedua-dua pemilik dan pembiaya adalah orang tidak kena cukai, cukai output tidak dikenakan.

Pengeluaran dokumen yang dikira sebagai “invois cukai”

15. Apabila sesuatu barang diambil semula kepunyaan orang kena cukai telah dibekalkan oleh pembiaya, barang itu disifatkan sebagai telah dibekalkan oleh penyewa. Walau bagaimanapun, pembiaya adalah bertanggungjawab untuk mengena dan mengakaunkan cukai output, tidak kira sama ada pembiaya tersebut berdaftar atau tidak. Dalam kedua-dua keadaan, pembiaya mestilah mengenakan cukai output dengan mengeluarkan suatu dokumen yang mengandungi butir-butir cukai yang dikenakan yang dikira sebagai invois cukai yang disediakan oleh penyewa. Dokumen sebegini boleh dalam bentuk invois biasa atau penyata jualan.

Cukai input ke atas barang yang di ambil semula

16. Pembiaya (pengambil semula) tidak boleh menuntut cukai input ke atas barang yang diambil semula kerana cukai input mungkin telah pun dituntut oleh pemilik ketika barang itu diperoleh. Dia bagaimanapun, boleh menuntut apa-apa cukai input sampingan yang lain bagi pembekalan atau jualan barang yang diambil semula itu.

Cukai output ke atas komisen

17. Lazimnya, pembiaya (pengambil semula) boleh melantik seorang ejen untuk mengambil semula barang daripada penyewa. Perkhidmatan yang diberikan oleh ejen ambilan semula kepada pembiaya merupakan pembekalan bercukai. Oleh itu, komisen yang diperoleh oleh ejen itu adalah



tertakluk kepada cukai output sekiranya ejen tersebut adalah orang kena cukai. Dalam kes sebegini, ejen tersebut mestilah mendaftarkan dirinya sebagai orang berdaftar CBP jika perolehan tahunannya melebihi nilai ambang dan seterusnya mengenakan CBP ke atas perkhidmatannya kepada pembiayaan.

## **REKOD DAN PERAKAUNAN**

18. Pengambil semula yang berdaftar di bawah CBP mestilah menyenggara dan meyimpan rekod dengan baik dan mengakaun semua barang yang diambil semula untuk tempoh tujuh tahun. Semua rekod perakaunan mestilah disokong dengan dokumen asal yang berkenaan dan mestilah disimpan selaras dengan prinsip Amalan Perakaunan Yang Diterima secara Am yang diamalkan di Malaysia dan mestilah menyediakan jejak audit yang baik. Sistem perakaunan yang baik yang dikehendaki dari pengambil semula termasuklah;

- (a) Kuantiti dan perihal barang atau harta yang diambil semula olehnya;
- (b) Perbelanjaan sampingan yang ditanggung bagi ambilan semula barang
- (c) Maklumat terperinci cukai output yang dikenakan dan cukai input yang dituntut.

*Untuk maklumat lanjut bagi keperluan menyimpan rekod, sila rujuk kepada panduan bagi Invois Cukai dan penyimpanan rekod.*

## **SOALAN LAZIM**

**S1: Saya telah dilantik oleh bank untuk mengambil semula barang daripada penyewa. Apakah tanggungan CBP saya?**

J1: Walaupun anda boleh mengambil semula barang tetapi anda bukanlah pengambil semula barang yang sebenarnya. Anda hanya bertindak sebagai ejen kepada bank. Status anda sebagai orang berdaftar adalah bergantung kepada jumlah keseluruhan bayaran yang diterima

termasuklah apa-apa pembekalan bercukai yang anda buat, jika ada, bagi tujuan untuk menentukan nilai ambang. Jika jumlah keseluruhan pendapatan tahunan anda melebihi nilai ambang yang ditetapkan anda perlu mendaftar di bawah CBP. Sebaik berdaftar, anda mestilah mengenakan CBP ke atas apa-apa pembekalan bercukai yang anda buat.

**S2: Bagaimanakah tindakan mengambil semula yang dibuat oleh bailif yang bertindak atas arahan mahkamah. Adakah tindakan mengambil semula tersebut tertakluk kepada CBP?**

J2: Bailif mahkamah juga bertindak sebagai ejen kepada pihak yang menang dalam penghakiman dari mahkamah. Sama ada barang atau harta yang diambil semula akan tertakluk kepada CBP adalah bergantung kepada status CBP pemilik barang atau harta berkenaan. Bayaran yang dikenakan oleh bailif ke atas perkhidmatan yang diberi tidak tertakluk kepada cukai output kerana dia hanya menjalankan tugas-tugas pengadilan penghakiman sebagai bailif. Pembekalan sebegini adalah disifatkan sebagai pembekalan di luar skop bagi maksud CBP.

**S3: Dalam tindakan ambilan semula, bilakah pembekalan dikatakan berlaku apabila barang tersebut diambil semula?**

J3: Tindakan mengambil semula tidak dikira sebagai pembekalan. Walau bagaimanapun, apabila barang yang diambil semula itu dijual, masa pembekalan adalah pada ketika jualan berlaku dan pembekalan itu adalah dianggap dilakukan bagi pihak orang kena cukai.

**S4: Sebagai pengambil semula adakah perlu saya mengetahui aspek-aspek lain berkenaan dengan CBP?**

J4: Berikut adalah panduan yang mungkin perlu diketahui oleh anda:

(a) Pendaftaran CBP

- (b) Ejen
- (c) Pelelong
- (d) Invois Cukai dan Penyimpanan rekod

## **MAKLUMBALAS DAN KOMEN**

19. Apa-apa maklumbalas dan komen amatlah dihargai. Sila emel maklumbalas atau komen anda kepada Mohd Hisham B. Mohd Nor ([m\\_hisham.nor@customs.gov.my](mailto:m_hisham.nor@customs.gov.my)) atau Aminul Izmeer B. Mohd Sohaimi ([izmeer.msohaimi@customs.gov.my](mailto:izmeer.msohaimi@customs.gov.my)).

## **BANTUAN ATAU MAKLUMAT LANJUT**

19. Maklumat lanjut boleh didapatkan dari:

- (a) Laman web GST : [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my)
- (b) GST Hotline : 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam :
  - Tel : 03- 7806 7200/ 1-300-888-500
  - Faks : 03- 7806 7599
  - E-mel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)